

Hukum Kanun Pahang dalam Bingkai Sarjana Kolonial: Suatu Analisis Naratif dan Respons Islamik

The Hukum Kanun Pahang in Colonial Scholarly Framing: A Narrative Analysis and Islamic Response

AHMAD FARID ABD JALAL¹, AZMAN YUSOF^{2*}, AHNAF WAFI ALIAS³ & RAHIMIN AFFANDI ABD RAHIM⁴

¹ Perbadanan Muzium Negeri Pahang Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, MALAYSIA.

² Universiti Kuala Lumpur – MICET (UniKL MICET) Bandar Vendor Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA

³ Perbadanan Muzium Negeri Pahang Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, MALAYSIA.

⁴ Perbadanan Muzium Negeri Pahang Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, MALAYSIA.

*Penulis Koresponden: azmanyusof@unikl.edu.my

Received: 22 December 2025 ; Accepted: 9 February 2026

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu sorotan kritis terhadap cara sarjana kolonial membingkaikan Hukum Kanun Pahang (HKP) secara negatif, dan bagaimana pentafsiran sepihak tersebut telah membentuk persepsi dominan terhadap sejarah dan perkembangan hukum Islam di Alam Melayu. Melalui penerapan kaedah analisis naratif serta pendekatan pascakolonial Islam, kajian ini bertujuan membongkar strategi epistemik yang digunakan oleh orientalis terkemuka seperti R. J. Wilkinson, R. O. Winstedt, dan J. M. Gullick. Para sarjana ini secara konsisten mentafsirkan HKP semata-mata sebagai sebuah teks feodal dan autokratik yang mencerminkan kehendak mutlak pemerintah, dengan mengabaikan sama sekali asas dan roh Islamik yang menjadi terasnya. Berdasarkan kerangka teori seperti 'Oriental Despotism' dan 'coloniality of knowledge', pemingkaihan kolonial ini berfungsi untuk menafikan rasionaliti serta nilai peradaban yang terkandung dalam sistem hukum Melayu-Islam, sekaligus meletakkannya sebagai suatu produk tempatan yang inferior berbanding sistem Eropah. Kajian ini menolak naratif tersebut dengan menegaskan bahawa HKP sebenarnya berpaksikan prinsip-prinsip Islam yang mendalam, iaitu *fiqh al-watan* (*fiqh kenegaraan tempatan*), *maqāsid al-shar'ah* (*objektif syariah*), dan *siyāsah shar'iyyah* (*politik berlandaskan syarak*). Prinsip-prinsip ini menzahirkan nilai-nilai keadilan, amanah, rahmah, dan tanggungjawab dalam pemerintahan. Bukti terhadap dakwaan ini dapat dilihat secara nyata dalam beberapa fasal penting HKP. Fasal 3 yang menyatakan "jika raja menghukum dengan hawa nafsu, binasalah negeri" mencerminkan prinsip kebertanggungjawaban dan batasan kuasa. Fasal 25 (*larangan pembunuhan tanpa hak*), Fasal 47 (*peringatan keras terhadap kezaliman raja*), dan Fasal 60 (*larangan rasuah*) secara kolektif membuktikan bahawa HKP ialah sebuah teks hukum Islam yang menyatukan prinsip tauhid dengan kerangka moral sosial yang ketat. Ia bukan sekadar kod undang-undang adat, tetapi suatu manifestasi hukum Islam yang telah diwatankan (*dilokalkan*) dengan penuh kesedaran.

Kata kunci: Hukum Kanun Pahang; dekolonisasi; *fiqh al-watan*; pascakolonial Islam; pemingkaihan tauhidik.

ABSTRACT

This study offers a critical examination of how colonial scholars negatively framed the Hukum Kanun Pahang (HKP), and how this one-sided interpretation has shaped dominant perceptions of the history and development of Islamic law in the **Mala0y** Archipelago. Through the application of narrative analysis and an Islamic postcolonial approach, this study deconstructs the epistemic strategies employed by prominent Orientalists scholars such as R. J. Wilkinson, R. O. Winstedt, and J. M. Gullick. These scholars consistently interpreted the HKP merely as a feudal and autocratic text reflecting the absolute will of the ruler, while entirely disregarding its Islamic foundation and essence, which constitute its core. Grounded in theoretical frameworks such as 'Oriental Despotism' and 'coloniality of knowledge', this colonial framing functioned to deny the rationality and civilisational value inherent in the Malay-Islamic legal

system, while simultaneously positioning it as an inferior local product in comparison with European legal systems. This study rejects that narrative by asserting that the HKP indeed significantly grounded in substantive Islamic principles, namely *fiqh al-watan* (local statecraft jurisprudence), *maqāṣid al-sharī'ah* (the objectives of Islamic law), and *siyāsah shar'iyah* (governance in accordance with Islamic law). These principles manifest the values of justice, trustworthiness, compassion, and accountability in governance. Empirical support for this standpoint is clearly evident in several crucial clauses of the HKP. Clause 3, which states that "if a ruler judges based on personal desire, the country will be ruined", reflects the principles of accountability and limitation of power. Clause 25 (prohibition of unlawful killing), Clause 47 (stern warning against a ruler's tyranny), and Clause 60 (prohibition of bribery) collectively demonstrate that the HKP constitutes an Islamic legal text that integrates the principle of *tawhid* (monotheism) with a stringent social-moral framework. Therefore, It is not merely a customary legal code, but a conscious, localised (*diwatakan*) manifestation of Islamic law.

Keywords: Hukum Kanun Pahang; epistemic decolonisation; *fiqh al-watan*; Islamic postcolonialism; *tawhidic framing*.

PENGENALAN

Kajian terhadap *Hukum Kanun Pahang* (HKP) telah lama dibayangi oleh pembungkahan kolonial yang memandang rendah keupayaan intelektual dan keilmuan Islam tempatan. Dalam wacana kolonial, HKP sering dianggap sebagai teks undang-undang feodal yang menggambarkan kekuasaan mutlak raja dan masyarakat Melayu yang tidak bertamadun (Winstedt, 1938; Gullick, 1958). Pembacaan seperti ini berakar daripada fahaman *Orientalism* (Said, 1978) yang melihat Timur sebagai yang lain *the Other* yang *inferior* dan memerlukan intervensi kolonial bagi mencapai kemodenan.

Dalam konteks ini, pembungkahan kolonial terhadap HKP bukan sekadar kesilapan akademik, tetapi merupakan sebahagian daripada strategi epistemologi kolonial untuk menafikan keabsahan ilmu Islam sebagai asas undang-undang dan pemerintahan di Alam Melayu. Menurut Quijano (2000), fenomena ini dikenali sebagai *coloniality of knowledge* iaitu dominasi pengetahuan Barat yang menghapuskan sistem ilmu bukan Barat. Maka, pembacaan semula HKP memerlukan satu bentuk *epistemic disobedience* (Mignolo, 2009) penolakan terhadap kerangka ilmu kolonial dan pembinaan semula makna berdasarkan tasawur Islam. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti pembungkahan HKP oleh sarjana kolonial secara negatif. Selain itu, Menganalisis motif epistemologi dan ideologi di sebalik pembungkahan tersebut. Seterusnya, Mencadangkan respon Islamik berasaskan pendekatan pascakolonial dan *fiqh al-watan*. Bagi mencapai semua objektif yang ditetapkan, kajian ini menggunakan metodologi analisis naratif dan pendekatan hermeneutik Islamik.

Dengan menggunakan kaedah tersebut, artikel ini menegaskan bahawa HKP bukanlah dokumen feodal, tetapi teks hukum Islam yang mencerminkan integrasi *syariah*, *adat*, dan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam konteks watan Pahang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis naratif dan pendekatan pascakolonial Islam. Pendekatan ini dipilih kerana isu yang dikaji bukan sekadar sejarah teks, tetapi berkaitan dengan makna, kuasa, dan epistemologi yang tersembunyi di sebalik cara sarjana kolonial mentafsir *Hukum Kanun Pahang* (HKP). Oleh itu, bentuk penyelidikan yang menekankan interpretasi, makna dan wacana lebih sesuai daripada pendekatan kuantitatif yang bersifat empirikal.

Kajian ini berpaksikan analisis terhadap teks primer iaitu *Hukum Kanun Pahang* versi Muzium Pahang yang terdiri daripada 93 fasal. Naskhah ini dipilih kerana ia dianggap paling lengkap dan asli, tidak mengalami banyak gangguan kolonial seperti versi yang disalin oleh pegawai British pada awal abad ke-20. Daripada keseluruhan fasal, beberapa bahagian utama seperti Fasal 1, 3, 25, 47, 58, 60, 72, 73, dan 79 dijadikan bahan rujukan utama kerana ia mengandungi inti nilai keadilan, amanah, serta prinsip pentadbiran Islam yang paling jelas.

Selain teks utama, kajian ini turut menggunakan sumber sekunder daripada dua tradisi berbeza iaitu pertama, sumber kolonial seperti karya R. O. Winstedt (1938), R. J. Wilkinson (1908), dan J. M. Gullick (1958) yang memperlihatkan naratif Barat terhadap hukum Melayu; kedua, sumber Islamik

dan tempatan seperti karya Halim El-Muhammady (2019) dan Noor Aisha (2006) yang berusaha mengembalikan tafsiran Islam terhadap sistem perundangan Melayu. Perbandingan dua tradisi ini membolehkan kajian mengenal pasti bentuk penyelewengan makna, bias epistemologi, dan niat ideologis di sebalik naratif kolonial terhadap HKP.

Dari segi kaedah analisis, kajian ini menggunakan tiga lapisan analisis saling melengkapi. Pertama, analisis naratif digunakan untuk mengenal pasti bagaimana wacana kolonial membentuk imej negatif terhadap HKP. Pendekatan ini menelusuri struktur bahasa dan penonjolan tema seperti feudalisme, ketaatan buta dan raja zalim dalam teks kolonial, seperti dihuraikan oleh Entman (1993) dan Goffman (1974) dalam teori pembingkai. Kedua, analisis fiqh dan maqasid digunakan untuk menilai semula isi kandungan HKP melalui kerangka Islam, terutamanya prinsip *fiqh al-watan* dan *maqāṣid al-sharī'ah*. Kaedah ini membantu menjelaskan rasional di sebalik fasal-fasal tertentu seperti larangan rasuah (Fasal 60), larangan membunuh tanpa hak (Fasal 25), dan peraturan pentadbiran raja (Fasal 3 dan 47) yang menunjukkan bahawa HKP menegakkan keadilan dan rahmah, bukan kezaliman seperti yang didakwa orientalis.

Lapisan ketiga ialah analisis dekolonial epistemik, yang diadaptasi daripada gagasan Walter Mignolo (2009) dan Wael Hallaq (2018). Kaedah ini membandingkan dua sistem makna: sistem pengetahuan kolonial yang berasaskan sekularisme dan universalisme Barat, serta sistem ilmu Islam yang berteraskan tauhid dan *'adl* (keadilan). Analisis ini penting untuk menyingkap bentuk *epistemic injustice*; ketidakadilan ilmu yang menyebabkan warisan Islam-Melayu disalahtafsir sebagai tidak rasional atau ketinggalan zaman.

Dalam proses tafsiran teks, kajian ini turut mengaplikasikan kaedah hermeneutik Islamik berasaskan *adab al-fahm* sebagaimana dihuraikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995). Kaedah ini menuntut setiap pembacaan teks dilakukan dengan kesedaran terhadap niat asal penggubal hukum dan konteks sejarahnya. Misalnya, Fasal 1 yang menyebut *Raja itu bayang Tuhan di bumi* tidak boleh dibaca secara literal seperti tafsiran Winstedt (1938) yang melihatnya sebagai simbol kuasa mutlak. Sebaliknya, ia mesti ditafsirkan dalam

konteks konsep *khilāfah* dan *amanah ilāhiyyah*, di mana raja ialah pelaksana keadilan Tuhan di dunia. Pendekatan hermeneutik Islamik memastikan kajian ini membaca teks bukan sebagai dokumen politik semata-mata, tetapi sebagai manifestasi etika tauhid dan akhlak pemerintahan.

Pemilihan pendekatan pascakolonial Islam ini berasaskan dua rasional utama. Pertama, ia bersifat kritikal terhadap dominasi epistemologi Barat seperti yang dibincangkan oleh Said (1978) dan Foucault (1980), yang telah lama menentukan cara Timur dinilai oleh dunia akademik. Kedua, ia mengembalikan peranan sistem ilmu Islam sebagai kerangka alternatif yang berasaskan nilai ketuhanan, keadilan, dan kemaslahatan. Dengan demikian, analisis HKP melalui lensa pascakolonial Islam bukan sahaja menolak tafsiran kolonial, tetapi juga menghidupkan kembali falsafah hukum Islam yang memuliakan manusia sebagai khalifah dan menegakkan prinsip *siyāsah shar'iyah* dalam konteks watan Pahang.

TEORI PEMBINGKAIAN KOLONIAL

Pembingkai (*framing*) merupakan satu strategi epistemologi yang menentukan bagaimana sesuatu digambarkan ditafsir, ditonjolkan atau disenyapkan dalam wacana ilmiah (Goffman, 1974; Entman, 1993). Dalam konteks penjajahan, teori ini menjelaskan bagaimana kuasa kolonial menggunakan bahasa dan kategori pengetahuan bagi mewujudkan gambaran tertentu tentang masyarakat Timur. Proses ini bukan sekadar menggambarkan realiti, malah membentuk makna yang menjustifikasi dominasi kuasa politik dan budaya Barat.

Menurut Said (1978), pembingkai kolonial merupakan manifestasi Orientalisme, iaitu satu sistem pengetahuan yang melihat Timur sebagai pasif, mistik, tidak rasional, dan inferior berbanding Barat yang dianggap rasional serta progresif. Dalam wacana akademik kolonial, tafsiran terhadap teks undang-undang Melayu seperti *Hukum Kanun Pahang* (HKP) sering terikat dalam rangka pemikiran ini. Teks yang berasaskan syariah dan adat Islam-Melayu ditafsir bukan sebagai hasil perundangan Islam tempatan, tetapi sebagai lambang *Oriental Despotism* yang dikatakan menindas rakyat dan menolak kemodenan (Montesquieu, 1748; Wittfogel, 1957).

1. Konsep Oriental Despotism dan Implikasinya

Konsep *Oriental Despotism* pertama kali dikemukakan oleh Montesquieu (1748) dalam *The Spirit of the Laws*. Ia menggambarkan kerajaan Timur sebagai autokratik, memerintah dengan ketakutan dan tidak berasaskan undang-undang rasional. Idea ini kemudian dihidupkan semula oleh Wittfogel (1957) yang mendakwa kerajaan Asia bersifat *hidraulik* iaitu menindas dan bergantung kepada pengawalan sumber semula jadi. Kedua-dua teori ini menjadi asas epistemologi bagi sarjana kolonial seperti Winstedt (1938) dan Gullick (1958) dalam menilai sistem politik Melayu sebagai feudal dan tidak bertamadun.

Dalam konteks HKP, pemingkaian ini membawa kesan yang mendalam. Ia menjadikan teks hukum Islam Melayu sebagai objek yang perlu diselamatkan oleh kuasa kolonial. Seperti ditegaskan oleh Milner (2024), penulisan Winstedt merupakan suatu bentuk projek kolonial epistemik yang mengatur semula sejarah Melayu agar selaras dengan naratif penjajahan British. Naratif ini menolak nilai Islam dan *fiqh* yang tersirat dalam HKP serta menggantikannya dengan tafsiran sekular-positivistik yang berpaksikan logik undang-undang Inggeris.

2. Mekanisme Pemingkaian Kolonial terhadap HKP

Terdapat sekurang-kurangnya tiga mekanisme pemingkaian kolonial yang dapat dikenal pasti:

- a. Reduksi Epistemik – Unsur syariah, *maqāṣid*, dan adab dalam HKP diredukskan menjadi adat tempatan tanpa dimensi teologi dan *fiqh*.
- b. Delegitimasi Autoriti Ulama – Peranan *qāḍī* dan ulama Pahang dihilangkan dalam naratif kolonial; sebaliknya penjajah diposisikan sebagai penyelamat perundangan rasional.
- c. Bahasa Sebagai Alat Kuasa – Terjemahan dan edisi teks oleh pegawai British menggunakan istilah hukum sekular yang mengubah makna teks asal dan menyingkirkan unsur agama (Mohamad, 2011).

Ketiga-tiga mekanisme ini memperlihatkan bagaimana *Orientalism* berfungsi bukan sahaja sebagai wacana budaya, tetapi juga sebagai alat politik dan epistemologi untuk mengawal naratif

sejarah. Dengan itu, HKP kehilangan identiti asalnya sebagai kod syariah tempatan dan diturunkan taraf menjadi dokumen adat semata-mata.

3. Hubungan Teori Pemingkaian dengan Dekolonisasi Islamik

Pendekatan pascakolonial Islam menentang pemingkaian ini melalui dua langkah utama. Pertama, mengungkap kembali (*re-narrating*) nilai Islam dalam teks seperti HKP, dan kedua, mengislamisasikan semula epistemologi sejarah yang telah diselewengkan. Menurut Mignolo (2009), *epistemic disobedience* bermakna penolakan terhadap logik pengetahuan Barat dan pembinaan semula ilmu berdasarkan rangka nilai tauhid. Dalam kerangka ini, HKP bukan sekadar objek sejarah tetapi sumber ijihad *fiqh* dan manifestasi *fiqh al-watan* yang menggabungkan agama, adat, dan politik.

4. Teori Pemingkaian Negatif: Strategi Menonjolkan Kekurangan dan Menyembunyikan Keunggulan

Dalam wacana kolonial, pemingkaian negatif berfungsi sebagai mekanisme kuasa untuk mengawal makna dan persepsi terhadap budaya atau sistem ilmu masyarakat jajahan. Ia bukan semata-mata tafsiran salah, tetapi strategi ideologikal untuk memastikan dominasi epistemologi kolonial kekal sah (Entman, 1993; Hall, 1992).

Menurut Goffman (1974), bingkai (*frame*) bukan sahaja menstruktur maklumat, tetapi juga membatasi cara manusia memahami realiti. Dalam konteks penjajahan, sarjana kolonial memilih maklumat yang menyokong stereotaip seperti Melayu malas, Islam jumud, atau hukum adat feudal sambil menyingkirkan bukti yang menunjukkan keilmuan, keadilan, dan sistem nilai yang tinggi. Oleh itu, pemingkaian negatif bukan tindakan akademik neutral, tetapi alat hegemoni ideologi (*ideological hegemony*).

Dalam teori komunikasi kritikal, proses ini disebut sebagai *selective salience* iaitu pemilihan unsur tertentu untuk diberi penekanan dan penyingkiran unsur lain agar makna akhir selaras dengan tujuan ideologi (Entman, 1993). Misalnya, dalam karya Winstedt (1938) dan Wilkinson (1908), hanya fasal-fasal HKP yang berkaitan hukuman atau kuasa raja ditonjolkan sebagai bukti autokrasi Melayu. Sedangkan fasal-fasal yang membicarakan prinsip keadilan, hak rakyat, dan etika pemerintahan Islam seperti Fasal 3, 47 dan 79 diabaikan.

STRATEGI DEFISIT NARATIF

Sarjana seperti Shohat dan Stam (1994) menyebut fenomena ini sebagai *deficit narrative* iaitu naratif yang menstruktur subjek kolonial sebagai kekurangan dan kejahilan. Dalam wacana hukum Melayu, naratif ini beroperasi melalui tiga strategi:

1. Pemilihan terarah (*selective citation*): hanya memilih bukti yang memperkukuh stereotaip negatif;
2. Ketiadaan konteks (*decontextualization*): mengabaikan struktur sosial dan keagamaan yang melatari teks;
3. Pembentukan imej homogen (*homogenization*): mentafsir semua teks Melayu sebagai sama, tanpa melihat nuansa dan variasi intelektual.

Dengan strategi ini, HKP digambarkan sebagai teks perundangan “*primitive*”; suatu gambaran yang jelas menolak kompleksiti epistemologi Islam-Melayu yang menggabungkan syariah, adat, dan *maqāṣid* (Noor Aisha, 2006; Rahimin Affandi, 2023).

PENYEMBUNYIAN ASPEK POSITIF DAN RASIONALITI ISLAMIK

Ciri utama pembungkahan negatif ialah penyembunyian positif (*concealment of agency*). Said (1978) menegaskan bahawa *Orientalisme* bukan sekadar menggambarkan Timur secara negatif, tetapi juga menafikan keupayaan orang Timur untuk berfikir, mentadbir, dan menulis sejarah sendiri. Dalam kes HKP, hal ini dapat dilihat apabila nilai-nilai berikut disembunyikan dalam naratif kolonial:

1. Rasionaliti hukum Islam: HKP mengatur struktur penghakiman dan pentadbiran berasaskan kaedah *fiqh Shāfiʿī*, termasuk konsep *ʿadl* (keadilan) dan *amanah*.
2. Integrasi *maqāṣid* dan adat: HKP tidak menolak adat, tetapi mengislamisasikannya agar sejalan dengan *maqāṣid al-sharīʿah*.
3. Etika sosial dan tanggungjawab raja: Fasal 1, 3 dan 47 menegaskan tanggungjawab moral pemerintah, bukan autoriti mutlak seperti didakwa orientalis.

Dengan menyembunyikan dimensi positif ini, sarjana kolonial berjaya mencipta citra Melayu sebagai masyarakat yang pasif dan tidak rasional; suatu stereotaip yang akhirnya menjustifikasikan kehadiran British sebagai pembawa pencerahan dan perundangan moden (Milner, 2024).

PEMBINGKAIAN NEGATIF SEBAGAI ALAT KUASA

Mengikut pandangan Foucault (1980), pengetahuan dan kuasa beroperasi secara serentak. Maka, pembungkahan negatif terhadap HKP merupakan sebahagian daripada rejim kebenaran kolonial (*regime of truth*). Melalui kawalan ke atas teks, terjemahan dan tafsiran, penjajah menentukan apa yang dianggap sah sebagai pengetahuan dan apa yang ditolak sebagai mitos. HKP akhirnya dikategorikan sebagai adat semata-mata bukannya undang-undang Islam, justeru hilang kedudukannya sebagai teks ilmiah dan hukum negara Islam tempatan.

Pendekatan pascakolonial Islam menolak rejim ini dengan melakukan pembungkahan semula tauhidik (*tawhidi reframing*), iaitu membaca semula teks menurut prinsip tauhid, adab, dan maqasid. Ia menegaskan bahawa setiap teks Islam-Melayu perlu dinilai melalui neraca wahyu dan sejarah tempatan, bukan kerangka positivistik Barat (Rahimin Affandi, 2023; Mohamad, 2011).

ANALISIS NARATIF KOLONIAL TERHADAP HUKUM KANUN PAHANG (HKP)

Naratif kolonial terhadap *Hukum Kanun Pahang* (HKP) dibentuk berasaskan pandangan dunia Eurocentrik yang menilai teks hukum Melayu-Islam bukan melalui kerangka *fiqh*, tetapi melalui kategori undang-undang sekular Barat. Dalam proses ini, HKP digambarkan sebagai teks primitif, feudal, dan tidak rasional; satu citra yang berakar dalam ideologi *Oriental Despotism* (Montesquieu, 1748; Wittfogel, 1957). Penilaian seperti ini memperlihatkan bahawa kolonialisme bukan sekadar bentuk penguasaan politik, tetapi juga suatu penjajahan makna (*colonization of meaning*) yang membentuk cara masyarakat memahami sejarah dan identiti mereka (Said, 1978).

PENONJOLAN UNSUR KEZALIMAN RAJA DAN KETAATAN BUTA

Salah satu ciri utama naratif kolonial ialah penonjolan aspek autoritarianisme dalam HKP. Winstedt (1938) dan Wilkinson (1908), misalnya, mentafsir Fasal 1: *Raja itu bayang Tuhan di bumi* sebagai lambang kekuasaan mutlak dan kezaliman raja. Namun, tafsiran ini mengabaikan konteks teologinya yang berakar pada konsep khilafah dan amanah dalam Islam. Sebenarnya, ungkapan tersebut bermaksud bahawa raja ialah pelaksana keadilan Tuhan, bukan

pemilik kuasa mutlak. Dalam kerangka *siyāsah shar'iyah*, raja bertanggungjawab memastikan 'adl (keadilan) dan melarang kezaliman, sebagaimana ditegaskan dalam Fasal 3 dan 47:

1. Fasal 3: Jika raja menghukum dengan hawa nafsu, binasalah negeri.
2. Fasal 47: Barang siapa raja yang zalim, tiadalah kekal kerajaannya.

Tafsiran kolonial yang hanya menonjolkan ketaatan rakyat tanpa menilai amanah raja menunjukkan pembacaan separuh dan bersifat prejudis. Ia menyembunyikan hakikat bahawa HKP sebenarnya menstruktur hubungan politik berasaskan prinsip keadilan dan tanggungjawab moral sebagai suatu bentuk *constitutional monarchy* (monarki berpelembagaan) Islamik yang lebih seimbang daripada gambaran orientalis (Halim El-Muhammady, 2019).

PENGABAIAN PRINSIP KEADILAN, *MAQĀSID*, DAN AKHLAK PEMERINTAHAN

Naratif kolonial turut mengabaikan peranan HKP sebagai teks pendidikan moral dan pentadbiran berasaskan maqasid. Dalam fasal-fasal pertengahan (Fasal 25–60), HKP menggariskan hukum-hukum berhubung jenayah, muamalat, dan akhlak sosial seperti larangan rasuah, penipuan, dan penganiayaan terhadap rakyat. Semua ini mencerminkan prinsip *ḥifẓ al-nafs* (pemeliharaan nyawa), *ḥifẓ al-māl* (pemeliharaan harta), dan *ḥifẓ al-'ird* (pemeliharaan maruah) yang menjadi teras *maqasid al-sharī'ah* (Halim El-Muhammady, 2019).

Namun, Winstedt (1938) mentafsir fasal-fasal ini sebagai amalan adat kampung yang tidak sistematik. Tafsiran ini menolak hakikat bahawa penggubal HKP merupakan ulama istana dan *qāḍī* yang memahami hukum *fiqh Shāfi'ī* serta menyesuaikannya dengan konteks masyarakat Melayu. Dengan demikian, naratif kolonial bukan sahaja merendahkan struktur hukum Islam, tetapi juga menafikan agensi keilmuan ulama' tempatan (Halim El-Muhammady, 2019).

PENYEMPITAN MAKNA TERHADAP ISTILAH HUKUM ISLAM

Satu lagi bentuk pbingkaian kolonial ialah penyempitan makna istilah hukum Islam. Terjemahan istilah seperti *qisās*, 'adl, dan amanah sering digantikan dengan padanan Inggeris seperti *retaliation*, *justice*, atau *loyalty* tanpa

mempertimbangkan konotasi syariahnya. Ini mengakibatkan hilangnya dimensi rohaniah dalam teks. Seperti diujulkan oleh Mignolo (2009), terjemahan kolonial ialah alat dominasi epistemik yang mengubah makna agar selaras dengan tasawur Barat.

Contohnya, istilah raja adil raja disembah dalam wacana kolonial sering dianggap pernyataan feudal. Dalam konteks Islam-Melayu, ia sebenarnya merujuk kepada prinsip *ta'zīm al-ḥaqq*; penghormatan terhadap pemerintah yang menegakkan keadilan, bukan ketaatan membuta tuli. Penukaran makna sebegini menafikan hubungan antara bahasa, nilai, dan wahyu yang menjadi asas epistemologi Islam.

PEMBENTUKAN NARATIF ADAT VS SYARIAH OLEH SARJANA KOLONIAL

Wilkinson (1908) memperkenalkan dikotomi antara adat dan Islam dalam sistem hukum Melayu. Dikotomi ini kemudiannya diteruskan oleh Winstedt (1938) dan Gullick (1958), yang menegaskan bahawa hukum Melayu hanyalah lanjutan adat tanpa dasar syariah. Namun, menurut Noor Aisha (2006), pandangan ini adalah ciptaan kolonial yang berfungsi untuk melemahkan autoriti Islam dalam sistem perundangan tempatan.

Dalam HKP, adat tidak bertentangan dengan syariah, tetapi berfungsi sebagai mekanisme pelengkap (*takmilī*). Misalnya, hukum tentang pewarisan, denda, dan muamalat menggunakan asas *fiqh Shāfi'ī* yang disesuaikan dengan realiti masyarakat Melayu maritim. Pbingkaian kolonial yang memisahkan adat dan Islam sebenarnya menafikan falsafah *fiqh al-watan* iaitu *fiqh* yang mengharmonikan hukum wahyu dengan adat tempatan untuk menjaga kestabilan sosial.

Analisis ini menunjukkan bahawa pbingkaian kolonial terhadap HKP merupakan bentuk *epistemic reductionism* iaitu usaha meminimakan makna Islamik dan menggantikannya dengan tafsiran sekular. HKP ditonjolkan sebagai teks kezaliman dan feudal, sedangkan realitinya ia merupakan manifestasi tertinggi undang-undang Islam tempatan yang menegakkan keadilan, adab, dan maqasid.

Dengan mengembalikan bacaan HKP kepada konteks *siyāsah shar'iyah* dan *fiqh al-watan*, kita dapat membongkar naratif kolonial yang menyeleweng serta mengiktiraf HKP sebagai warisan hukum Islam yang rasional, beretika, dan bercirikan watan Melayu-Islam.

PENDEKATAN PASCAKOLONIAL ISLAM SEBAGAI JAWAPAN TERHADAP TOHMAHAN KOLONIAL

Pendekatan pascakolonial Islam berfungsi sebagai kerangka pemulihan epistemologi untuk menolak tafsiran Barat terhadap warisan hukum Islam-Melayu. Ia tidak sekadar bersifat defensif, tetapi bersifat *taḥqīqī*; menilai semula makna teks berdasarkan prinsip tauhid, adab, dan *maqāṣid*. Dalam konteks *Hukum Kanun Pahang* (HKP), pendekatan ini menggabungkan empat dimensi utama iaitu dekolonisasi epistemologi, *fiqh al-watan*, *maqāṣid al-sharī'ah* dan hermeneutik Islamik. Gabungan keempat-empat dimensi ini akhirnya membentuk suatu pemingkanaan tauhidik terhadap teks HKP yang menolak struktur kuasa kolonial dan mengembalikan nilai ilahiyah dalam hukum.

DEKOLONISASI EPISTEMOLOGI: MEMBEBAKANSI MAKNA DARIPADA PENJAJAHAN ILMU

Dekolonisasi epistemologi bermaksud membebaskan pemahaman terhadap HKP daripada kerangka tafsiran kolonial yang sekular, positivistik dan eurocentrik. Sarjana kolonial seperti Winstedt (1938) menilai hukum Melayu sebagai *unsystematic customary codes* (undang-undang adat yang tidak tersusun) tanpa memahami bahawa HKP berakar pada logik hukum Islam yang tersusun dan rasional.

Sebagai contoh, Fasal 3 HKP menyebut: *Jika raja menghukum dengan hawa nafsu, binasalah negeri*. Ungkapan ini menolak sepenuhnya konsep *absolute monarchy* (monarki mutlak) yang dilekatkan oleh orientalis. Ia menegaskan bahawa kuasa pemerintah dalam Islam tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk kepada *'adl* (keadilan) sebagai asas legitimasi kuasa. Prinsip ini selaras dengan firman Allah: *Innallāha ya'muru bil-'adli wal-iḥsān* (al-Naḥl 16:90) yang bererti "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan".

Melalui bacaan ini, raja bukan simbol kezaliman seperti digambarkan oleh Winstedt atau Gullick, tetapi khalifah yang menanggung amanah Tuhan di bumi. Maka, HKP memperlihatkan sistem *siyāsah shar'iyah* (pemerintahan berdasarkan syariah) yang berpaksikan tauhid dan tanggungjawab moral bukan sistem feudal atau *despotic*. Dengan membebaskan teks daripada tafsiran kolonial, dekolonisasi epistemologi membina kembali keyakinan bahawa undang-undang Islam Melayu adalah produk

rasional akal Islami yang menegakkan keadilan sosial dan bukan hasil budaya feudal yang membuta tuli.

FIQH AL-WATAN: HUKUM ISLAM YANG DIWATANKAN

Fiqh al-watan ialah konsep *fiqh* yang menyesuaikan prinsip hukum sejagat dengan realiti sosio-budaya tempatan (*'urf ṣaḥīḥ*). HKP merupakan model unggul bagaimana hukum Islam berfungsi secara kontekstual dalam masyarakat Melayu maritim dan agraria.

Sebagai contoh, Fasal 58 HKP memperincikan hukuman terhadap pencuri hasil tanaman: *Barang siapa mencuri hasil bendang atau dusun, jika diketahui tuannya, maka diserahkan gantinya dan diampunkan oleh tuan, tiadalah dihukum*.

Fasal ini menegakkan prinsip *al-'urf muḥakkam* dan *maṣlaḥah mursalah* yang menekankan keadilan berasaskan pemulihan, bukan hukuman semata-mata. Pendekatan ini lebih dekat kepada konsep *restitutive justice* berbanding *retributive justice*, sekaligus menolak stereotaip kolonial bahawa hukum Islam bersifat keras.

Begitu juga Fasal 72 HKP yang mengatur soal perkahwinan menegaskan peranan wali, mas kahwin dan kerelaan dua pihak. Ini bukan manifestasi patriarki seperti dakwaan orientalis, tetapi pengukuhan nilai moral dan perlindungan maruah wanita, sejajar dengan prinsip *ḥifẓ al-nasl* dan *ḥifẓ al-'ird*.

Oleh itu, *fiqh al-watan* dalam HKP menampilkan hukum Islam yang dinamik dan beradaptasi dalam budaya Melayu dan tetap berakar pada *maqāṣid syariah*. Ia membuktikan kemampuan hukum Islam untuk berinteraksi dengan adat tanpa kehilangan integriti wahyu.

MAQĀSID AL-SHARĪ'AH: MEMULIHKAN DIMENSI KEADILAN DAN RAḤMAH

Kolonialisme menuduh undang-undang Islam sebagai *retributive law* (Undang-undang retributif) yang kaku dan tidak manusiawi. Namun, bacaan berasaskan *maqāṣid* menunjukkan bahawa HKP menjunjung nilai *raḥmah* dan keadilan sosial sebagai asas pentadbiran. Sebagai contoh, Fasal 47 HKP menyatakan: *Barang siapa raja yang zalim, tiadalah kekal kerajaannya*. Fasal ini menzahirkan maqāṣid *ḥifẓ al-nafs* dan *ḥifẓ al-dīn*, iaitu perlindungan terhadap nyawa dan agama

daripada kezaliman pemerintah. Ia menunjukkan kesedaran moral bahawa kuasa tanpa keadilan akan menghancurkan struktur sosial dan spiritual negara.

Dalam Fasal 25 HKP, dinyatakan larangan keras terhadap pembunuhan tanpa hak: *Barang siapa membunuh orang tiada dengan hak, wajib di-qisāskan dia*. Fasal ini mencerminkan pelaksanaan konsep *qisās* dalam *fiqh Shāfi'ī* dan menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu memahami teori keadilan Islam yang menuntut keseimbangan antara hukuman dan tanggungjawab moral.

Selain itu, Fasal 60 HKP menetapkan: *Barang siapa mengambil suap dalam hukum, haramlah atasnya hasil itu*. Larangan ini memperlihatkan *maqasid ḥifẓ al-māl* (pemeliharaan harta awam) dan prinsip integriti pentadbiran. Maka, HKP berfungsi bukan sebagai teks hukuman semata-mata, tetapi sebagai panduan etika kenegaraan.

HERMENEUTIK ISLAMIK: MEMBACA TEKS DENGAN ADAB DAN TAUHID

Pendekatan hermeneutik Islamik menuntut agar setiap teks hukum dibaca dengan *adab al-fahm* iaitu kefahaman yang berasaskan iman, ilmu, dan adab. Ini penting untuk menolak tafsiran kolonial yang bersifat literal dan sekular, yang memisahkan hukum daripada wahyu dan konteks moralnya. Sebagai contoh, Fasal 1 HKP berbunyi: *Raja itu bayang Tuhan di bumi*. Sarjana kolonial mentafsirkannya sebagai doktrin autokrasi, sedangkan dalam kerangka Islam, ia bermaksud *amanah ilāhiyyah* iaitu raja ialah pelaksana keadilan Tuhan di bumi, bukan pemilik kuasa mutlak. Pandangan ini selaras dengan teori *imāmah ādilah* (kepemimpinan yang saksama) yang diuraikan oleh al-Māwardī dalam *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*.

Begitu juga Fasal 73 HKP yang menyebut: *Barang siapa berzina, maka hendaklah dihukum dengan hukum syarak*. Kolonial menilainya sebagai bukti kekerasan hukum Islam, sedangkan hakikatnya fasal ini menjamin *maqasid ḥifẓ al-nasl* (penjagaan keturunan) dan *ḥifẓ al-'ird* (maruah masyarakat). Hukuman yang diperuntukkan bukan bersifat dendam, tetapi bertujuan mendidik dan melindungi kehormatan sosial.

Oleh itu, hermeneutik Islamik membaca HKP sebagai teks keagamaan dan moral, bukan sekadar undang-undang sosial. Ia menegakkan prinsip bahawa hukum dalam Islam ialah ibadah dan bentuk kasih sayang Tuhan terhadap manusia.

SINTESIS: DARIPADA PEMBINGKAIAN KOLONIAL KEPADA PEMBINGKAIAN TAUHIDIK

Gabungan keempat-empat pendekatan ini melahirkan satu bentuk *pembingkai tauhidik* terhadap HKP iaitu kerangka tafsiran yang menghubungkan hukum dengan Tuhan, manusia, dan masyarakat. Dalam kerangka ini, hukum bukan instrumen kuasa, tetapi amanah ilahi untuk menegakkan keadilan dan memakmurkan bumi.

Hal ini terserlah dalam Fasal 79 HKP yang menyebut: *Jikalau pemerintah tiada menegakkan hukum Allah, maka hilanglah berkat negeri*. Fasal ini menggabungkan keseluruhan tasawur Islam: tauhid (kebergantungan kepada Allah), akhlak (amanah dan adab pemerintahan), serta sosial (keadilan dan kesejahteraan rakyat). Ia mengingatkan bahawa keberkatan dan kestabilan sesebuah negara bergantung kepada sejauh mana hukum Allah ditegakkan.

Melalui pembingkai tauhidik ini, HKP dilihat sebagai teks *ethico-legal order*; sistem hukum berteraskan nilai moral dan keadilan Tuhan, bukan sekadar dokumen pentadbiran. Ia menolak tasawur Barat yang melihat undang-undang sebagai struktur mekanikal, dan menegaskan bahawa hukum ialah ibadah serta amanah khalifah.

IMPLIKASI AKADEMIK DAN SOSIAL

Analisis pascakolonial terhadap Hukum Kanun Pahang (HKP) bukan hanya bertujuan menolak tafsiran orientalis, tetapi juga mengembalikan HKP ke dalam wacana keilmuan Islam-Melayu yang lebih luas. Ia membawa implikasi penting dalam tiga domain utama: (1) keilmuan dan epistemologi, (2) sistem pendidikan dan kurikulum serta (3) pengurusan warisan dan kuratorial Islamik.

IMPLIKASI TERHADAP EPISTEMOLOGI DAN KAJIAN AKADEMIK

Dari sudut epistemologi, pendekatan pascakolonial Islam mencabar dominasi paradigma kolonial yang selama ini membentuk asas pengajian sejarah dan undang-undang Melayu. Sarjana kolonial seperti Winstedt (1938), Wilkinson (1908) dan Gullick (1958) membangunkan kerangka sejarah yang berpaksikan penilaian Barat, dengan menyingkirkan dimensi Islam sebagai faktor utama dalam pembentukan tamadun Melayu.

Melalui kerangka dekolonisasi epistemologi (Mignolo, 2009; Quijano, 2000), HKP kini difahami sebagai bukti bahawa masyarakat Melayu mempunyai sistem hukum, pentadbiran, dan pemikiran politik yang sejajar dengan tradisi *siyāṣah shar'iyah* dalam Islam. Ini menolak naratif bahawa kemodenan hanya bermula selepas kedatangan British.

Kajian akademik yang berpaksikan fiqh al-watan membuka peluang baharu kepada penyelidik untuk meneroka HKP bukan semata-mata sebagai teks sejarah, tetapi sebagai manifestasi ijtihad tamadun; satu bentuk pemikiran hukum yang menggabungkan maqasid, adat, dan keadilan sosial. Maka, HKP harus dikaji secara inter-disiplin melibatkan bidang undang-undang Islam, sejarah sosial, dan falsafah politik tempatan.

IMPLIKASI TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN DAN KURIKULUM

Dekolonisasi makna HKP menuntut pembaharuan dalam sistem pendidikan, khususnya dalam bidang sejarah, undang-undang, dan tamadun Islam. Sebagai teks hukum Islam tertua di Semenanjung Tanah Melayu yang masih lengkap (93 fasal), HKP perlu dimasukkan dalam kurikulum universiti sebagai sumber primer bagi kursus Sejarah Undang-undang Islam di Alam Melayu atau Epistemologi Hukum Melayu-Islam.

Pendekatan pascakolonial Islam menggesa agar pengajaran undang-undang Islam tidak lagi terbatas pada fiqh klasik Timur Tengah semata-mata, tetapi juga merangkumi ijtihad lokal seperti HKP yang membentuk peradaban Islam tempatan. Hal ini selaras dengan gagasan *fiqh al-watan* Malaysia yang menekankan kesepaduan antara syariah, adat, dan keperluan semasa (Ibrahim Majdi, 2025).

Selain itu, pelajar sejarah serta undang-undang perlu dilatih untuk mengenal pasti bias kolonial dalam sumber dan terjemahan. Latihan critical reading terhadap teks kolonial seperti karya Winstedt, Wilkinson dan Maxwell wajar digabungkan dengan analisis Islamik agar pemahaman terhadap sejarah tidak terus bergantung pada paradigma hegemonik Barat.

IMPLIKASI TERHADAP PENGURUSAN WARISAN DAN KURATORIAL ISLAMIK

Dari sudut warisan, HKP bukan sekadar dokumen undang-undang, tetapi artifak intelektual Islam-Melayu yang perlu dipamerkan, dikaji, dan ditafsir

dalam kerangka epistemologi Islam. Muzium Islam dan institusi warisan negara perlu memainkan peranan penting dalam menampilkan HKP sebagai teks keilmuan dan bukan semata-mata bahan sejarah.

Dalam konteks kuratorial, konsep dekolonisasi pameran menuntut agar interpretasi terhadap teks warisan seperti HKP disusun berdasarkan tasawur Islam. Naratif yang sebelumnya menonjolkan pengaruh kolonial harus diganti dengan naratif yang menegaskan nilai *'adl* (keadilan), amanah, dan rahmah dalam pemerintahan Melayu-Islam.

Model Kurasi Islamik yang dibangunkan melalui pendekatan tauhidik dan maqasidik dapat diaplikasikan dalam reka bentuk galeri warisan. HKP boleh dijadikan pameran utama bagi menggambarkan sejarah fiqh, politik Islam, dan budaya keadilan di Alam Melayu, sekaligus memulihkan maruah ilmu tempatan yang pernah dipinggirkan oleh kolonial.

IMPLIKASI SOSIO-POLITIK DAN KESEDARAN AWAM

Pendekatan pascakolonial Islam juga memiliki dimensi sosial dan politik. Pemulihan naratif HKP mengukuhkan jati diri masyarakat Melayu-Islam terhadap sejarah mereka sendiri. Ia menegaskan bahawa sistem hukum dan tadbir urus berasaskan syariah telah wujud sebelum penjajahan, dan bahawa konsep keadilan, hak rakyat, serta kelestarian alam telah diurus dengan prinsip Islam yang tinggi.

Hal ini penting dalam konteks Malaysia moden yang masih bergelut dengan kesan warisan penjajahan sama ada dalam bentuk undang-undang sivil yang terpisah daripada moral agama, atau dalam bentuk persepsi bahawa Islam adalah penghalang kemajuan. Dekolonisasi terhadap HKP memberi isyarat bahawa tamadun Melayu-Islam memiliki asas progresif tersendiri, berteraskan keseimbangan antara dunia dan akhirat, rasionaliti dan spiritualiti.

Secara keseluruhannya, pemulihan naratif terhadap HKP melalui pendekatan pascakolonial Islam membuka ruang bagi reformasi ilmu dan institusi. Ia turut memperkukuh paradigma bahawa sejarah dan undang-undang Melayu bukan sekadar warisan, tetapi sumber epistemik yang relevan dan masih hidup. HKP kini dapat difahami bukan sebagai tinggalan feudal, tetapi sebagai manifestasi keilmuan Islam yang mendalam adalah hasil ijtihad watan yang mencerminkan kematangan politik, sosial, dan spiritual masyarakat Melayu-Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa *Hukum Kanun Pahang* (HKP) ialah bukti sahih bahawa masyarakat Melayu-Islam telah memiliki sistem hukum, moral, dan politik yang matang sebelum kedatangan penjajah. Namun, selama berabad-abad teks ini telah dibingkaikan secara negatif oleh sarjana kolonial yang menilai tamadun Islam-Melayu melalui kanta *Orientalism* dan *Oriental Despotism*. Pembingkaian tersebut menonjolkan aspek yang dianggap kejam atau feodal sambil menyembunyikan nilai tauhid, keadilan dan akhlak yang menjadi asas HKP. Melalui pendekatan pascakolonial Islam, kajian ini mengemukakan tiga langkah pemulihan epistemologi utama:

1. Dekolonisasi ilmu – membebaskan makna HKP daripada tafsiran kolonial yang sekular dan mengembalikannya ke kerangka *siyāṣah shar‘iyyah* berasaskan tauhid dan maqasid.
2. *Fiqh al-watan* – menonjolkan HKP sebagai hasil ijtihad tempatan yang mengharmonikan syariah dengan adat sahih dan realiti sosial masyarakat Pahang.
3. Pembacaan maqasidik dan hermeneutik Islamik – menilai semula teks dengan adab, agar setiap fasal dilihat sebagai usaha menegakkan keadilan, bukan kekuasaan mutlak.

HKP menjadi titik temu yang seimbang antara moral agama dengan struktur politik, antara undang-undang dan akhlak, serta antara kehidupan dunia dan akhirat. Fasal-fasal seperti Fasal 3 (Jika raja menghukum dengan hawa nafsu, binasalah negeri), Fasal 25 (larangan pembunuhan tanpa hak), Fasal 47 (peringatan terhadap pemerintah zalim), dan Fasal 60 (larangan rasuah) menunjukkan bahawa sistem hukum Islam-Melayu bersifat maqasidik dan rasional, bukan autokratik seperti yang digambarkan oleh orientalis.

Oleh itu, HKP bukan sekadar teks undang-undang bersejarah, tetapi dokumen peradaban Islam-Melayu yang menzahirkan falsafah tauhidik dalam pemerintahan. Ia menolak pemisahan antara agama dan kuasa, serta menjadikan keadilan sebagai asas kemakmuran negeri. Dengan membaca HKP melalui kerangka pascakolonial Islam, maruah ilmu dan sejarah umat Melayu dapat dipulihkan

daripada bayang-bayang orientalisme, sekali gus meneguhkan keyakinan bahawa keadilan Islam adalah tunjang kepada identiti watan.

RUJUKAN

- Entman, R. M. 1993. Framing: Toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication* 43(4): 51–58.
- Foucault, M. 1980. *Power/Knowledge: Selected Interviews and Other Writings 1972–1977*. Pantheon Books.
- Goffman, E. 1974. *Frame Analysis: An Essay on the Organization of Experience*. Harvard University Press.
- Gullick, J. M. 1958. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. University of London Press.
- Halim El-Muhammady. 2019. *Qanun Pahang: Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyiddin Shah (1592–1614 M)*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, S. 1992. The west and the rest: Discourse and power. Dalam S. Hall & B. Gieben (pnyt.). *Formations of Modernity*, hlm. 275–331. Polity Press.
- Hallaq, W. B. 2018. *Restating Orientalism: A Critique of Modern Knowledge*. Columbia University Press.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Azman Yusof, Amran Muhammad, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2025. Perkembangan Teori fiqh al-watan di Negeri Pahang: Satu pemerhatian epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies* 3(3): 171–186.
- Mignolo, W. D. 2009. *Epistemic Disobedience, Independent Thought and Decolonial Freedom*. Duke University Press.
- Milner, A. 2024. Winstedt, colonialism and the Malaysian history wars. *Indonesia and the Malay World* 52(153): 179–198.
- Mohamad, M. 2011. *The evolution of Syariah and postcolonial modernity*. ISA Bulletin. <https://www.isa-sociology.org/uploads/files/EBul-Aug2011-MaznahMohamad.pdf>
- Montesquieu, C. 1748/1989. *The Spirit of the Laws*. Cambridge University Press.
- Noor Aisha Abdul Rahman. 2006. *Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some Continuities*. Brill.
- Quijano, A. 2000. Coloniality of power, Eurocentrism, and Latin America. *Nepantla: Views from South* 1(3): 533–580.
- Said, E. W. 1978. *Orientalism*. Pantheon Books.
- Shohat, E. & Stam, R. 1994. *Unthinking Eurocentrism: Multiculturalism and the Media*. Routledge.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Wilkinson, R. J. 1908. Malay law. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 50: 1–30.
- Winstedt, R. O. 1938. *A History of Malaya*. Marican & Sons.
- Wittfogel, K. A. 1957. *Oriental Despotism: A Comparative Study of Total Power*. Yale University Press.